

Dasar-dasar kerajaan diperbetul dari masa ke masa - Mahathir

UM 11 NOV 1983

TOKYO 10 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata dasar-dasar Kerajaan Malaysia yang diperkenalkan dan dilaksanakan dengan perancangan yang teliti itu akan diperbetulkan dari semasa ke semasa untuk mencapai kesempurnaan.

Kata Perdana Menteri waktu pelaksanaan dasar-dasar adalah juga penting bagi Malaysia yang unik kerana rakyatnya yang berbilang kaum dengan tahap pencapaian ekonomi yang berbeza-beza.

"Kesemua usaha ini adalah untuk menjaga kebajikan rakyat berbagai kaum di Malaysia di samping mencegah konfrontasi dan huru-hara antara kaum," tegasnya dalam ucapan beliau di Simposium Antarabangsa anjuran Universiti Keio di sini petang ini.

Dalam ucapan yang bertema "Arah Malaysia" di simposium itu, beliau telah menghuraikan dengan panjang lebar sebab-sebab Malaysia perlu mengamalkan Dasar Pandang ke Timur dan tentang perubahan yang sedang berlaku di negara ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu bahawa selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan, kerajaan terpaksa mengkaji, memahami dan membetulkan, di mana perlu, punca-punca utama yang mengakibatkan perbezaan pencapaian ekonomi di kalangan kaum-kaum dan ketidakupayaan negara menjadi negara maju pada hari ini.

"Rancangan-rancangan pembangunan sahaja tidak akan mendatangkan pembangunan. Pelaksanaan rancangan-ran-

cangan itu secara pesat pun tidak akan mencapai pembangunan. Kita memerlukan sesuatu yang lebih dari rancangan-rancangan ini," katanya.

Oleh kerana Malaysia inginkan sesuatu yang lebih itu, menurut beliau, negara ini melancarkan Dasar Pandang ke Timur untuk mencari model negara untuk dicontohi.

Katanya, banyak negara membangun telah mempelajari sistem dan nilai dari negara-negara asing yang tidak sesuai dan biasanya merosakkan pembangunan diri sendiri

kerana wujudnya sistem perhubungan yang moden.

"Sistem atau nilai yang ingin dipelajari itu tidak lagi dapat dipilih-pilih dengan mudah kerana wujudnya kemudahan-kemudahan perhubungan moden itu. Oleh sebab itu beberapa negara membangun telah menerima sistem negara-negara maju dengan bulat-bulat.

"Misalnya sistem kesatuan sekerja dan falsafah negara-negara maju. Negara-negara membangun yang belum mempunyai infrastruktur atau sumber dan kemahiran yang perlu akan menghadapi masalah jika mereka menerima bulat-bulat perkara-perkara itu," ujarnya.

Dengan termasuknya nilai-nilai yang tidak baik ke negara-negara membangun, tegas beliau, rakyat di negara-negara itu sebenarnya membahayakan masa depan mereka sendiri daripada memupuk kebaikan.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata kerajaan negara-negara membangun mestilah sedaya upaya mempengaruhi rakyat mereka supaya memilih sistem dan nilai asing.

Untuk matlamat itu, katanya, Malaysia memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur dan bersamanya ialah Konsep Persyarikatan Malaysia dan Pensewastiaan.

Walau bagaimanapun, beliau berkata usaha ini akan menghadapi tentangan daripada beberapa negara maju yang akan menuduh kerajaan sesebuah negara membangun itu sebagai mengongkang kebebasan rakyatnya.

Katanya, negara-negara maju itu bersikap demikian kerana ketakutan mereka dalam dua bidang, iaitu:

- Bimbang negara-negara membangun tidak akan menjadi pasaran bagi barang-barang keluaran mereka; dan

- Bimbang negara-negara membangun akan menyaingi dan mengalahkan negara-negara maju dalam pemasaran barang-barang.

Beliau berkata, Malaysia sekarang bolehlah dianggap seperti Jepun yang berada di peringkat miskin selepas Perang Dunia Kedua.

Tetapi Perdana Menteri menambah bahawa Malaysia tidak boleh melangkah ke alam kemajuan secara evolusi seperti pembangunan di negara-negara Eropah.